

03 JUL 1996

PERSATUAN SUKAN DIMINTA KAWAL SIKAP PENYOKONG

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Persatuan-persatuan sukan terutama bola sepak diminta supaya tidak menggalakkan penyokong masing-masing bersikap fanatik terhadap pasukan masing-masing sehingga melupai nilai-nilai murni budaya negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah berkata kini terdapat trend sesetengah penyokong pasukan negeri yang meniru budaya barat seperti mengecat rambut dan muka dengan warna bendera negeri.

Beliau khuatir budaya ranggi itu boleh menyebabkan pergaduhan dan rusuhan sesama peminat sukan seperti yang pernah berlaku di Barat.

Mengulas saranan Perdana Menteri Daruk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan tempatan, persatuan kebangsaan, syarikat dan penaja tidak keterlaluan ketika memberi ganjaran kepada ahli sukan, Dr Abdul Malek berkata Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Sukan Negara harus menetapkan jumlah berpatutan sebagai garispanduan.

Ini bagi memudahkan mereka yang terlibat dalam urusan pembayaran gaji atau insentif kepada golongan itu mengikutinya, katanya.

Bagi pihak kerajaan negeri, katanya, ahli sukan hanya dibayar insentif RM1,000, RM750 dan RM500 bagi pingat emas, perak dan gangsa yang mereka menangi di peringkat kejohanan kebangsaan .-- BERNAMA

LAT RON